

Headline	Kaedah terbaik atasi masalah hilang tumpuan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	14 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	166,774	Readership	500,322
Section	Semasa	Page No	4
ArticleSize	270 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,021		



## Kaedah terbaik atasi masalah hilang tumpuan

**MUADZAM SHAH** - Mudah hilang tumpuan merupakan antara faktor utama yang menyebabkan murid-murid sekolah rendah tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan seterusnya tercicir dalam mengikuti silibus pembelajaran.

Ketua guru pendidikan khas Pahang, Latifah Ali, berkata, masalah tersebut dihadapi semua pelajar sekolah rendah yang mengikuti program Smart ABC anjuran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang bersama Yayasan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Kampus Muadzam Shah di sini pada 2 hingga 4 April lalu.

Pendidik yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Pelabu-



DAHURI



AUJI HAWA



MUHAMMAD AIMAN



PRAVEENA

han, Kuantan itu semasa ditemui ketika program tersebut berkata, faktor ketiadaan bimbingan orang dewasa terutama ibu bapa turut menyumbang terhadap masalah tersebut.

"Kanak-kanak yang mengalami masalah membaca sebenarnya memerlukan tumpuan dan bimbingan penuh daripada orang dewasa seperti guru atau ibu bapa.

"Apabila diberi bimbingan

secara intensif mengikut keupayaan dimiliki murid, anak-anak ini masih boleh menguasai kemahiran membaca

dan kembali mengikuti silibus pembelajaran bersama rakan-rakan yang lain," ujarnya.

Seorang lagi guru pendidikan khas dalam program itu, Dahuri Ghazali pula berkata, semua 97 peserta program itu mula menunjukkan peningkatan positif sejurus menerima perhatian serta bimbingan intensif daripada fasilitator.

"Mereka memerlukan pembimbing yang boleh beri tumpuan penuh. Program Smart

ABC adalah satu usaha yang sangat bagus untuk mencari kaedah terbaik dalam mendidik pelajar yang menghadapi masalah membaca," katanya.

Menerusi program Smart ABC yang dikendalikan Yayasan TNB, setiap seorang daripada 97 pelajar sekolah yang mengalami kesukaran membaca diberi bimbingan daripada 100 mahasiswa Uniten selaku fasilitator menggunakan kaedah satu murid satu guru.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa, Auji Hawa Zarime, 21, berkata, kaedah satu murid satu guru sangat berkesan selepas dia menyaksikan peningkatan murid menerusi program selama dua hari tersebut.

Dalam pada itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan, Praveena Murugesu, 21, pula percaya ramai lagi sukarelawan yang sedia membantu kanak-kanak menguasai kemahiran membaca sekiranya program sedemikian dijalankan secara meluas di seluruh negara.

Seorang lagi penuntut Ijazah Sarjana Muda Kewangan, Muhammad Aiman Azha, 21, berkata, program satu murid satu guru seperti Smart ABC juga wajar dinaik taraf ke peringkat nasional.

"Kami sebagai mahasiswa Uniten juga mahu memberi bakti kepada masyarakat Malaysia melalui program seperti ini pada masa akan datang," ujarnya.